



KERTAS KONSEP

HARI SUKAN NEGARA

Disediakan oleh;

Bahagian Pembangunan Sukan,
Jabatan Belia dan Sukan Negara,
Kementerian Belia dan Sukan Malaysia

KERTAS KONSEP HARI SUKAN NEGARA (HSN)

1. TUJUAN

Kertas ini bertujuan untuk memaklumkan mengenai konsep pelaksanaan program **Hari Sukan Negara** yang akan diadakan pada hari Sabtu minggu kedua bulan Oktober setiap tahun.

2. PENDAHULUAN

Gerakan ke arah membudayakan sukan untuk **kesejahteraan dan kesepaduan rakyat Malaysia** adalah menjadi fokus strategi Kementerian Belia dan Sukan (KBS), selari dengan usaha kerajaan untuk **membina sebuah negara makmur, harmoni dan inklusif** (Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesebelas, 2016-2020: Keutamaan dan Penekanan Baharu).

2.1. Tonggak Kedua iaitu Memperkukuhkan Pembangunan Inklusif dan Kesejahteraan Rakyat, Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesebelas (KSP RMKe-11) 2016 hingga 2020 telah menggariskan Meningkatkan Kesejahteraan Rakyat sebagai salah satu bidang keutamaan yang perlu diberi penekanan dalam tempoh KSP RMKe-11. Antara strategi yang ditetapkan adalah menggalakkan nilai murni dan gaya hidup aktif. Selaras dengan hasrat ini, Kementerian Belia dan Sukan telah menetapkan Kualiti Kesejahteraan Hidup sebagai salah satu teras KSP Pelan Strategik

Kementerian Belia dan Sukan 2016 hingga 2020. Membudayakan sukan untuk kesejahteraan dan kesepaduan rakyat serta menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara sukan (*sporting nation*), merupakan antara tindakan strategi yang digerakkan dan menjadi fokus utama Kementerian ini sepanjang tempoh KSP RMKe-11.

- 2.2. Dalam usaha merealisasikan hasrat Malaysia sebagai sebuah negara sukan, penyertaan masyarakat di semua peringkat dalam aktiviti sukan dan penglibatan pihak organisasi adalah merupakan langkah penting dan perlu dilakukan secara bersama. Gerakan ini adalah selaras dengan objektif Dasar Sukan Negara untuk memperkasakan budaya sukan dalam kalangan masyarakat dan membentuk masyarakat yang berdisiplin dan bersatu padu. Selain itu, sukan merupakan kaedah terbaik untuk mengukuhkan inklusiviti dalam kalangan rakyat. Mengambil kira faktor pembudayaan sukan sebagai medium untuk memperkasakan keharmonian, kemuafakatan dan perpaduan dalam kalangan masyarakat, Hari Sukan Negara telah dijadikan salah satu agenda nasional negara.

Pengukuhan Gaya Hidup Sihat

- 2.3. Kajian Indeks Budaya Sukan yang dilaksanakan oleh Institut Penyelidikan dan Pembangunan Belia (IYRES) pada tahun 2018 menunjukkan penglibatan rakyat dalam sukan adalah pada tahap sederhana iaitu dengan nilai skor sebanyak 53.1. Kajian ini diperkukuhkan lagi dengan dapatan Kajian Budaya Bersukan Dalam Kalangan Rakyat Malaysia yang menunjukkan penglibatan

rakyat dalam melakukan aktiviti sukan, senaman dan rekreasi aktif adalah pada tahap sederhana iaitu 69.6% pada tahun 2018, peningkatan sebanyak 9.8% daripada 59.8% pada tahun 2017.

2.4. Kajian Morbiditi dan Kesihatan Kebangsaan 2015 di kalangan penduduk Malaysia berumur 18 tahun ke atas mendapati hasil seperti berikut:

- (i) 3.5 juta orang mengalami masalah diabetes iaitu peningkatan daripada 15.2% pada tahun 2011 kepada 17.5% pada tahun 2015;
- (ii) 1 daripada 3 orang menghidap hipertensi iaitu melibatkan seramai 6.1 juta orang penduduk;
- (iii) 9.6 juta orang iaitu 47.4% daripada jumlah penduduk Malaysia mempunyai paras kolesterol yang tinggi di dalam darah; dan
- (iv) seramai 17.7% iaitu 3.3 juta orang daripada rakyat Malaysia dikategorikan sebagai obes manakala 1 daripada 3 orang mempunyai berat badan berlebihan.

2.5. Keadaan ini merupakan dorongan agar rakyat Malaysia mengamalkan gaya hidup sihat dengan lebih aktif. Dengan mengambil kira perkara ini, Kementerian Belia dan Sukan berhasrat meneruskan pelaksanaan Hari Sukan Negara pada tahun ini bagi memastikan kelangsungan usaha dan agenda kerajaan ini dalam menggalakkan rakyat bergiat aktif dalam sukan.

3. OBJEKTIF

3.1 Hari Sukan Negara adalah bertujuan untuk merealisasikan hasrat dan inspirasi Kementerian Belia dan Sukan (kerajaan) bagi menggalak dan menjadikan Malaysia sebagai negara yang mempunyai rakyat yang sentiasa bersukan sehingga ia menjadi satu budaya hidup bagi:

- i. Meningkatkan **kesedaran** tentang kepentingan bersukan bagi mewujudkan masyarakat yang cergas dan aktif.
- ii. Memupuk dan menyemarakkan semangat **perpaduan** dikalangan rakyat pelbagai kaum.
- iii. Menggalakkan pembangunan **ekonomi** negara melalui pembangunan industri sukan.
- iv. Meningkatkan **pengetahuan** sukan di kalangan rakyat Malaysia.
- v. Memberi **pengiktirafan** kepada rakyat Malaysia yang terlibat di dalam aktiviti membangunkan sukan di peringkat akar umbi.

3.2 KBS sentiasa memastikan segala program dan aktiviti sukan di bawah Hari Sukan Negara samada berbentuk pertandingan atau riadah di laksana dan dipraktikkan selari dengan Dasar Sukan Negara yang merangkumi semua lapisan masyarakat dan seterusnya mencapai objektif Malaysia sebagai negara sukan (*sporting nation*).

4. TARIKH PELAKSANAAN

Hari Sukan Negara dilaksanakan pada hari Sabtu minggu kedua bulan Oktober di seluruh negara setiap tahun dimana Sambutan Hari Sukan Negara Peringkat Kebangsaan diadakan serentak dengan Sambutan Hari Sukan Negara di Peringkat Daerah dan Negeri pada hari tersebut. Sambutan ini merupakan simbolik kepada pelaksanaan Hari Sukan Negara sebagai salah satu usaha kerajaan bagi menggalakkan rakyat Malaysia sentiasa bersukan sehingga ia menjadi satu budaya hidup.

5. KONSEP PELAKSANAAN

5.1 Penyertaan

Penyertaan adalah terbuka kepada semua lapisan masyarakat berbilang bangsa dan agama, tidak kira umur dan gender merangkumi semua golongan dari kanak-kanak, belia, orang dewasa, warga emas dan orang kurang upaya. Kumpulan sasaran utama adalah:

- golongan keluarga,
- wanita,
- orang kurang upaya,
- belia,
- warga emas,
- pelajar sekolah,
- pelajar IPT,
- kakitangan kerajaan, dan
- kakitangan swasta.

5.2 Lokasi Program

Kawasan sasaran pelaksanaan program adalah di kawasan luar bandar, kawasan perumahan, sekolah, IPTA/IPTS, tempat kerja, pusat rekreasi/sukan, pusat kesihatan, semua kemudahan sukan gelanggang/dewan/padang/bangunan di bawah seliaan PBT atau swasta.

5.3 Majlis Sambutan

Majlis sambutan di pelbagai peringkat akan melibatkan kehadiran tetamu kehormat. Sehubungan dengan itu, cadangan pelaksanaan majlis sambutan adalah dijadualkan seperti berikut:

BIL	PERINGKAT SAMBUTAN	KEHADIRAN VIP
1.	Kebangsaan	Perdana Menteri atau Menteri Belia dan Sukan
2.	Negeri	Menteri Besar atau Ketua Menteri
3.	Daerah	ADUN atau Pegawai Daerah

5.4.2 Setiap majlis sambutan adalah dinasihatkan untuk dilakukan secara sederhana tanpa melibatkan gimik majlis perasmian secara besar-besaran.

5.4.3 Cadangan bagi majlis sambutan adalah; tetamu kehormat melakukan pelepasan acara utama seperti larian/berbasikal atau tetamu kehormat menyertai program-program di sekitar tapak majlis perasmian.

5.4.5 Cadangan gimik majlis sambutan ini tertakluk kepada protokol Kerajaan Negeri dan kesesuaian pada masa tersebut.

5.5 Pengisian Program/ Aktiviti

5.5.1 Penganjuran program masih lagi mengamalkan prinsip **3M** iaitu **Murah, Mudah dan Menarik**.

5.5.2 Bersesuaian dengan konsep Sukan Untuk Semua, pengisian aktiviti di sepanjang sambutan Hari Sukan Negara 2021 adalah sama seperti tahun terdahulunya iaitu merangkumi pergerakan fizikal yang melibatkan **aktiviti kecergasan, rekreasi dan sukan** sama ada berbentuk pertandingan, pertunjukan atau riadah. Antara contoh kategori aktiviti yang boleh dilaksanakan adalah seperti berikut:

BIL	KATEGORI	AKTIVITI
1.	Kecergasan	<ul style="list-style-type: none">▪Larian (Marathon/ Fun Run)▪Berjalan (Fun Walk)▪Berbasikal (Fun Ride)▪Aerobik▪Zumba/Cross Fit/Les Mills/Street Fitness▪Lompat tali▪Fitness Challenge▪Senamrobik untuk warga emas

2.	Rekreasi	<ul style="list-style-type: none"> ▪Rekreasi Darat (Hiking/Orienteering/Mendaki Bukit atau Gunung) ▪Rekreasi Air (<i>Waterrafting</i>, Kayak, <i>Dragon Boat</i>, semua jenis sukan air) ▪Rekreasi Udara (<i>Paragliding</i>) ▪Skateboard ▪<i>Artificial Wall/ Rock Climbing</i> ▪Inline Skating ▪BMX ▪E-Sports ▪<i>Mind Sports</i>
3.	Sukan	<ul style="list-style-type: none"> ▪Bolasepak ▪Hoki ▪Badminton ▪Bola Jaring ▪Futsal ▪Sepak Takraw ▪Renang ▪Tenpin Boling ▪Olahraga ▪Bola Keranjang / 3 on 3 Basketball ▪Program Integrasi OKU (Ping Pong, Badminton, Lawn Ball, Boling Padang, Renang, Tenpin Boling, <i>Penalty Shoot, Netball Shoot, Memanah, Bocce, OKU</i>)

		<i>Treasure Hunt</i>) ▪ Semua jenis sukan
4.	Seni Mempertahankan Diri	▪ Muaythai ▪ Silat ▪ Wushu ▪ Silambam ▪ Urban Self Defence ▪ Unarmed Combat ▪ Fit Warrior
5.	Sukan Rakyat/ Tradisional	▪ Gasing ▪ Congkak ▪ Batu Seremban ▪ Tarik Upih ▪ Teng-teng ▪ Galah panjang ▪ Lompat getah ▪ Baling tin

5.5.3 Pelbagai **aktiviti lain** yang berkaitan dengan sukan yang mampu **menjana pendapatan** kepada pihak penganjur. Secara langsung boleh menjadi satu industri yang menggerakkan ekonomi negara. Antara yang di kenal pasti adalah:

- a) Jualan barangan sukan dan produk kesihatan di pusat membeli-belah dengan kerjasama Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna.

- b) Ekspo Sukan
- c) Diskaun barangan sukan dan perkhidmatan sukan di sepanjang Bulan Sukan Negara berlangsung.

5.5.4 **Aktiviti dan program pengetahuan sukan** untuk masyarakat seperti forum dan seminar yang berkaitan industri dan perkembangan sukan di peringkat kebangsaan antaranya seperti :

- ✓ Seminar Kecergasan Sukan
- ✓ Bicara Sukan

5.5.5 Penganjuran **klirik-klirik sukan** dengan keterlibatan atlet-atlet sebagai *role model* di dalam program tersebut bagi tujuan untuk mencari bakat-bakat baru yang boleh digilap menjadi atlet pelapis.

5.6 Kerjasama Strategik dengan Pelbagai Agensi dan syarikat korporat

5.6.1 Penganjur program di pihak kerajaan adalah disaran untuk **menjalinkan kerjasama dengan pelbagai agensi korporat dan swasta**. Adalah di harap agar pengurangan cukai atau insentif lain dapat diberikan kepada agensi korporat dan swasta yang terlibat secara langsung dalam melaksanakan program Hari Sukan Negara. **Peranan agensi korporat dan swasta juga untuk melaksanakan program/aktiviti sukan untuk kakitangan mereka sendiri.**

5.6.2 Penganjur program juga disaran untuk **bekerjasama dengan pelbagai agensi kerajaan, NGO Sukan, NGO Belia, pentadbir sekolah rendah, pentadbir sekolah menengah, pentadbir sekolah agama, semua Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan Institut Pengajian Tinggi Swasta (IPTS)** di seluruh Malaysia.

5.6.3 **Kerjasama dengan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), komuniti luar bandar** di seluruh negara melalui aktiviti sukan di padang, gelanggang dan dewan permainan yang terdapat di kawasan PBT masing-masing.

5.6.4 Menggalakkan **penganjuran program di kalangan persatuan dan kelab atau bekerjasama dengan kelab/persatuan kecergasan dan rekreasi swasta** di seluruh negara.

5.6.5 Mendapatkan **penajaan daripada pelbagai syarikat untuk menyemarakkan pelaksanaan Hari Sukan Negara** di seluruh negara.

5.6.6 **Mengaktifkan dan mengerakkan semua fasiliti sukan** di negeri dan daerah termasuk Gym, Gelanggang Futsal dan lain-lain.

5.7 Promosi dan Publisiti

5.7.1 Bagi memastikan Hari Sukan Negara mendapat sambutan dan di ketahui masyarakat, **kerjasama**

dengan media massa untuk mempromosikan program perlu diadakan iaitu melalui media cetak dan elektronik secara meluas seperti **televisyen, surat khabar, majalah, radio serta melalui media sosial seperti sms blasting, media sosial, laman sesawang** dan sebagainya.

5.7.2 Promosi akan dilaksanakan secara berpusat dan setiap negeri dan daerah juga hendaklah membuat promosi dan publisiti untuk program ini.

6. JAWATANKUASA HARI SUKAN NEGARA

6.1 Jawatankuasa Induk Hari Sukan Negara adalah seperti berikut:

Pengerusi	Menteri Belia dan Sukan
Timb. Pengerusi I	Ketua Setiausaha Kementerian Belia Dan Sukan
Timb. Pengerusi II	Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Belia dan Sukan
Setiausaha	Ketua Pengarah Jabatan Belia dan Sukan Negara
Pen. Setiausaha	Timbalan Ketua Pengarah Bahagian Pembangunan Sukan
Ahli-ahli	i. Semua Kementerian ii. Semua EXCO Kerajaan Negeri iii. Semua Setiausaha Kerajaan

	Negeri iv. Agensi-agensi Utama Kerajaan
Urusetia	Sekretariat Hari Sukan Negara

6.2 Cadangan Jawatankuasa Induk Hari Sukan Negara Peringkat Negeri

Pengerusi	Menteri Besar/ Ketua Menteri/ SUK / EXCO Belia dan Sukan
Setiausaha	Pengarah Jabatan Belia & Sukan Negeri
Ahli-ahli	<ul style="list-style-type: none"> i. Jabatan-Jabatan Kerajaan ii. Agensi Jabatan Kerajaan iii. Pegawai Daerah iv. Pihak Berkuasa Tempatan v. Majlis Sukan Negeri vi. IPTA/IPTS vii. NGO Belia & Sukan viii. Agensi-agensi Utama Kerajaan

6.3 Cadangan Jawatankuasa Induk Bulan Sukan Negara Peringkat Daerah dan Bahagian

Pengerusi	Pegawai Daerah
Setiausaha	Pejabat Belia & Sukan Daerah
Ahli-ahli	i. Pejabat-Pejabat Kerajaan

	Daerah
	ii. Penghulu
	iii. Agensi Kerajaan Berkaitan
	iv. NGO Belia & Sukan

7. CARTA PERBATUAN

BIL	GERAK KERJA UMUM	BULAN											
		J	F	M	A	M	J	J	O	S	O	N	D
1.	Perbincangan dan Bengkel, bagi memantapkan penganjuran Hari Sukan Negara												
2.	Mesyuarat Jawatankuasa Induk HSN												
3.	Pembentukan dan Penubuhan Jawatankuasa Pelaksana.												
4.	Memohon kelulusan belanja peruntukan HSN (KSU)												
5.	Mesyuarat Penyelarasan JK Pelaksana (Induk)												
6.	Perbincangan berkenaan penajaan bersama JK Penajaan												
7.	Waran peruntukan HSN ke JBS Negeri												
8.	Mesyuarat Penyelarasan & Taklimat HSN kepada Kementerian dan Agensi												
9.	Perbincangan berkenaan promosi & media bersama JK Promosi & Publisiti												
10.	Mesyuarat Penyelarasan Khas HSN bersama KPM, PDRM & ATM												
11.	Promosi dan publisiti Hari Sukan Negara bermula sehingga tamat kempen sebulan												
12.	Mesyuarat Penyelarasan HSN Prkt. Negeri												
13.	Mesyuarat Penyelarasan Majlis Sambutan HSN Peringkat Kebangsaan												
14.	Mesyuarat Penyelarasan Majlis Sambutan HSN Prkt. Keb. (Takers)												

BIL	GERAK KERJA UMUM	BULAN													
		J	F	M	A	M	J	J	O	S	O	N	D		
15.	Mengemaskini gerak kerja Sekretariat														
16.	Persiapan akhir Majlis Sambutan HSN														
17.	Pelaksanaan HSN di seluruh negara & pemantauan														
18.	Majlis Sambutan HSN Prkt Kebangsaan														
19.	Pengumpulan dan semakan laporan pelaksanaan (Negeri/ Daerah/ Kementerian/ Agensi/ Takers)														
20.	Penyelarasan semua laporan dan penyediaan Laporan Penuh Pelaksanaan HSN														
21.	Post Mortem & Bengkel Pemantapan HSN														

8. KESIMPULAN

Pelaksanaan Hari Sukan Negara ini di harap akan terus menjadi pemacu kepada rakyat Malaysia untuk membudayakan sukan sebagai gaya hidup demi kesejahteraan dan kesepaduan nasional serta menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara sukan (*sporting nation*).